



PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA

Rukun Negara mengandungi lima prinsip yang menjadi pegangan hidup masyarakat Malaysia. Rukun Negara merangkumi prinsip hidup bermasyarakat dan nilai kenegaraan.



- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusailaan



- Senaraikan lima prinsip yang terdapat dalam Rukun Negara.
- Rukun Negara berjaya mewujudkan perpaduan. Buktikan pernyataan ini.



Senaraikan prinsip yang perlu anda miliki untuk mencapai kecemerlangan diri. Persembahkan dengan menggunakan peta minda.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami prinsip Rukun Negara.
- Bantu murid mengenal pasti prinsip yang perlu dimiliki oleh mereka untuk mencapai kecemerlangan diri.

I0.3.3
K10.3.7





RUKUN NEGARA ASAS KEHIDUPAN MASYARAKAT

Sebagai rakyat yang cinta akan negara, kita harus menghayati kelima-lima prinsip Rukun Negara. Melalui penghayatan ini, kita dapat membina kehidupan yang harmoni.

Prinsip Pertama

Kepercayaan kepada Tuhan

Agama menjadi pegangan paling utama rakyat Malaysia. Oleh itu, setiap rakyat seharusnya menghormati amalan keagamaan masyarakat lain. Prinsip kepercayaan kepada Tuhan ini juga dapat menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum. Selain itu, rakyat dapat menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab terhadap negara.



Prinsip Kedua

Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Negara kita mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan. Setiap warganegara Malaysia perlu memberikan taat setia sepenuhnya kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Pada peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki memberikan taat setia kepada ketua negeri sama ada Sultan, Raja, Yang di-Pertuan Besar atau Yang di-Pertua Negeri. Raja ialah simbol penyatuan rakyat.


Kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat membentuk bangsa Malaysia yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan bersatu padu.



Prinsip Ketiga

Keluhuran Perlembagaan

Perlembagaan ialah undang-undang tertinggi negara. Perlembagaan Persekutuan menjadi asas penting untuk menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat. Keluhuran perlembagaan menuntut rakyat menerima, mematuhi, menyantung dan mempertahankan perlembagaan negara.



Prinsip Keempat

Kedaulatan Undang-undang

Prinsip ini menuntut rakyat mentaati undang-undang dengan tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang. Apabila kedaulatan undang-undang dipelihara, maka negara berada dalam keadaan aman damai. Sebagai rakyat, kita perlu mempertahankan kedaulatan undang-undang agar tidak dicabar oleh mana-mana pihak.



Prinsip Kelima

Kesopanan dan Kesusilaan

Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai murni yang perlu ada dalam setiap anggota masyarakat. Nilai murni tersebut melambangkan keperibadian seseorang individu.

Pengamalan nilai murni dapat menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni, saling menyayangi, memahami antara satu sama lain, sentiasa membantu dan bekerjasama dalam masyarakat berbilang kaum.



- Nyatakan kesan pengamalan prinsip kepercayaan kepada Tuhan.
- Mengapakah masyarakat perlu mematuhi perlombagaan negara?

Secara berkumpulan, lakukan salah satu prinsip Rukun Negara.



NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peranan Rukun Negara dalam kehidupan.



10.3.3
10.3.4
K10.3.5
K10.3.6
K10.3.7






PENGHAYATAN RUKUN NEGARA

Rakyat yang cinta akan negara Malaysia perlu menghayati Rukun Negara. Rukun Negara berperanan melahirkan masyarakat yang bersatu padu.



Membentuk masyarakat yang harmoni

- Kemakmuran negara dapat dinikmati bersama-sama.
- Masyarakat akan dibantu apabila memerlukan bantuan.



Menjamin keutuhan negara

- Keutuhan negara dinikmati bersama-sama oleh rakyat melalui kesetiaan kepada raja dan negara.






Mempertahankan keadilan

- Menjamin setiap rakyat mempunyai kedudukan dan taraf yang sama di sisi undang-undang.



Menerapkan nilai murni

- Menjaga tatasusila seperti gerak laku, tutur kata dan tatacara hidup agar tidak menyinggung perasaan kaum lain.





Membentuk satu bangsa dan negara

- Rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama berperanan memupuk kerjasama demi keamanan dan kemakmuran negara.



Membina sebuah masyarakat progresif

- Penguasaan dalam bidang sains dan teknologi sangat penting untuk membantu kemajuan negara.
- Masyarakat bukan sahaja menguasai sains dan teknologi tetapi juga menguasai nilai murni untuk kemakmuran negara.



- Senaraikan peranan Rukun Negara dalam kehidupan masyarakat.
- Nyatakan faedah menghayati prinsip Rukun Negara.

Bincangkan cara anda menghayati prinsip Rukun Negara. Hasilkan pokok Rukun Negara.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghayati Rukun Negara.

10.3.4
K10.3.5
K10.3.7





JATI DIRI RAKYAT MALAYSIA

Lima prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh membentuk jati diri dalam kalangan masyarakat di negara kita. Jati diri bermaksud ciri-ciri yang dimiliki oleh setiap individu yang dapat membentuk identiti, perwatakan dan keperibadian yang unggul.

Bangga akan tanah air



PEMBENTUKAN JATI DIRI

Taat setia kepada raja dan negara



Penerimaan kehidupan beragama

Islam

Kristian

Hindu

Buddha

Sikh



Persefahaman



Perpaduan



Berusaha gigih



Berakh�ak mulia



Patriotisme



- Cari gambar-gambar berkaitan pembentukan jati diri berdasarkan prinsip Rukun Negara.
- Nyatakan kesan kepada negara hasil daripada pelaksanaan prinsip Rukun Negara.

Pembentukan jati diri terjelma setelah mengikuti mata pelajaran Sejarah. Bincangkan.

NOTA GURU

10.3.3
10.3.4
K10.3.5
K10.3.6
K10.3.7

- Bimbing murid memahami konsep jati diri.
- Bantu murid mencari gambar-gambar berkaitan pembentukan jati diri berdasarkan prinsip Rukun Negara.





RUKUN NEGARA TUNJANG PERPADUAN BANGSA

Negara yang kita cintai ini didiami oleh pelbagai kaum. Kita perlu hidup bersatu padu demi kesejahteraan negara. Oleh itu, perpaduan kaum dapat dipupuk untuk mewujudkan persefahaman dan toleransi. Usaha yang berterusan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan masyarakat hidup aman dan harmoni.



1957

Pengisian Kemerdekaan
Permuafakatan politik memudahkan proses kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

1963

Akta Bahasa Kebangsaan

Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan sejak kemerdekaan negara. Akta ini bertujuan memantapkan pelaksanaan bahasa Melayu dalam semua bidang.

1969

Jabatan Perpaduan Negara

Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara.



2009

Gagasan 1Malaysia

Gagasan 1Malaysia diperkenalkan untuk mengukuhkan hubungan dan kerjasama antara masyarakat berbilang kaum ke arah kesejahteraan hidup.

1991

Wawasan 2020

Wawasan 2020 digubal untuk membentuk masyarakat yang progresif dan berakhlaq mulia. Sains dan teknologi menjadi asas kemajuan negara pada masa hadapan.

1992

Malaysia Boleh

Slogan "Malaysia Boleh" diperkenalkan bagi menyuntik semangat rakyat Malaysia untuk mencapai kejayaan pada peringkat antarabangsa.

1970

Dasar Ekonomi Baru

Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan untuk menyusun semula masyarakat dan membasi kemiskinan.



- Jelaskan kebaikan Akta Bahasa Kebangsaan.

Cari lagu patriotik yang berkaitan dengan perpaduan kaum. Nyanyikan lagu tersebut.

NOTAGURU

10.3.1
K10.3.6

- Bimbing murid memahami peranan Rukun Negara dalam membentuk perpaduan kaum.





RUKUN NEGARA DALAM KEHIDUPAN HARIAN

Prinsip yang terdapat pada Rukun Negara merupakan nilai-nilai murni yang sentiasa diamalkan dalam kehidupan harian.

Prinsip Rukun Negara	Amalan dalam Kehidupan Harian
Kepercayaan kepada Tuhan	<ul style="list-style-type: none"> Mengamalkan ajaran agama. Mencapai nilai keperibadian yang tinggi.
Kesetiaan kepada Raja dan Negara	<ul style="list-style-type: none"> Setia kepada raja dan negara. Bangga menjadi warganegara.
Keluhuran Perlembagaan	<ul style="list-style-type: none"> Boleh menyuarakan pendapat. Melahirkan kestabilan negara.
Kedaulatan Undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> Mematuhi segala undang-undang yang telah ditetapkan. Membentuk masyarakat yang tenteram.
Kesopanan dan Kesusailaan	<ul style="list-style-type: none"> Sentiasa membantu dan bekerjasama. Saling memahami antara satu sama lain.



- Ceritakan cara anda mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian.

Nyatakan kepentingan mematuhi peraturan sekolah kepada diri dan negara.

Peraturan Sekolah	Kepentingan Diri	Kepentingan Negara
Contoh: Datang awal ke sekolah	Berdisiplin	Mematuhi undang-undang

NOTAGURU

- Bimbing murid memahami nilai-nilai murni yang terdapat pada Rukun Negara yang diamalkan oleh mereka dalam kehidupan harian.

10.3.3
10.3.4
K10.3.7



FIKIR DAN JAWAB

A. Susun pernyataan di bawah mengikut urutan yang betul.

Ketidakseimbangan sosioekonomi telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan curiga dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Perselisihan faham dan perbalahan kaum telah berlaku pada 13 Mei 1969.

Kegiatan ekonomi yang berdasarkan kaum telah menjadikan kedudukan sosioekonomi masyarakat tidak seimbang.

Rukun Negara telah diisyitiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970.

MAGERAN telah memperkenalkan Rukun Negara.

Pihak British telah mengamalkan dasar atau pendekatan pecah dan perintah semasa menjalankan pentadbiran di Persekutuan Tanah Melayu.



NOTAGURU

- Bimbing murid menjawab soalan dengan betul.





FIKR DAN JAWAB

B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Secara umumnya, rakyat Malaysia mempunyai pegangan agama. Prinsip _____ kepada Tuhan menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, masyarakat seharusnya _____ amalan keagamaan masyarakat lain.

Setiap warganegara Malaysia perlu memberikan _____ kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Pada peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki memberikan taat setia kepada _____ yang menjadi simbol _____ rakyat. Ketidaksetiaan kepada raja bermaksud _____ kepada negara.

Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai _____ yang perlu ada dalam setiap anggota masyarakat. Nilai murni tersebut melambangkan _____ seseorang individu. Pengamalan nilai murni dapat menjamin _____ masyarakat yang harmoni dan saling _____ dalam masyarakat pelbagai kaum.

raja

penyatuan

keperibadian

taat setia

penderhakaan

kehidupan

menghormati

kepercayaan

menyayangi

murni

NOTAGURU

- Bimbing murid mencari jawapan yang betul berdasarkan soalan yang diberikan.





TAJUK 1

TAJUK 2

TAJUK 3

Kita Rakyat Malaysia

RANGSANGAN

UNIT

4

RAKYAT MALAYSIA



TANAH PUSAKA

Sungguh gemilang negeriku
Yang kupuja oh Tanah Malaysia
Di merata dunia
Harum semerbak namamu oh Malaysia


Aman makmur kaya-raya
Selama-lama hidup maju jaya
Oh tanah pusaka
Negaraku yang berdaulat dan merdeka

Tanah pusaka bertuah
Berbagai bangsa di dalamnya
Hidup damai dan bersama
Bertekun kerja untuk Malaysia

Musuh melanggar kugempur
Sungguh rela kugugur kerana
Kau tanah pusaka
Biar putih tulang jangan putih mata

Lagu: Tan Sri Dato' Ahmad Merican

Lirik: Wan Ahmad Kamal



NOTAGURU

- Bimbing murid menghayati lirik lagu Tanah Pusaka.





UNIKNYA MASYARAKAT MALAYSIA



Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Antaranya termasuklah Melayu, Cina, India, Orang Asli, Iban, Melanau, Bidayuh, Bisaya, Kenyah, Kayan, Kelabit, Penan, Kadayan, Lun Bawang, Kadazandusun, Bajau, Murut, Iranun, Rungus, Orang Sungai, Brunei dan Suluk. Perpaduan yang terjalin antara masyarakat Malaysia amat kukuh. Inilah kunci utama kepada kejayaan Malaysia mempertahankan kemerdekaannya. Oleh itu, perpaduan ialah perkara penting bagi setiap negara yang bebas dan berdaulat.

Masyarakat terbesar di Malaysia ialah kaum Melayu. Mereka bertutur menggunakan bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan tradisi dan adat istiadat Melayu. Dari sudut sejarah, rumpun Melayu meliputi penduduk yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu dan gugusan Kepulauan Melayu.



Kaum Melayu



Kaum Cina

Masyarakat Cina merupakan kaum kedua terbesar di Malaysia. Mereka mempunyai dialek, kebudayaan dan kepercayaan yang unik dan tersendiri.







Kaum India



Kaum India pula merupakan masyarakat ketiga terbesar di Malaysia. Masyarakat India kaya dengan ciri-ciri kebudayaan tersendiri dan masih mengekalkan kebudayaan tersebut sehingga kini.



Di Semenanjung Malaysia, terdapat beberapa etnik Orang Asli. Antaranya termasuklah Jahai, Bateq, Semai, Mah Meri, Jakun dan Semelai. Setiap kumpulan etnik Orang Asli mempunyai bahasa pertuturan, budaya dan adat resam yang tersendiri.



Orang Asli




Di Sarawak terdapat pelbagai kumpulan etnik. Antaranya termasuklah Iban, Melayu, Melanau, Bidayuh, Bisaya, Kenyah, Kayan, Kelabit, Penan, Kadayan dan Lun Bawang. Setiap etnik mempunyai perbezaan dari segi bahasa, agama, pakaian tradisi, adat resam dan pegangan hidup.



Melanau



Iban



Bidayuh

Etnik di Sarawak

Sabah juga mempunyai kumpulan etnik yang banyak. Antara etnik di Sabah ialah Kadazandusun, Bajau, Murut, Kadayan, Bisaya, Iranun, Rungus, Orang Sungai, Brunei dan Suluk. Perbezaan mereka dapat dilihat dari segi bahasa, dialek, adat resam, agama dan kepercayaan.



Kadazandusun



Bajau




Murut

Etnik di Sabah



Selain itu, terdapat juga etnik Sikh di Malaysia. Etnik ini mudah dikenali dengan identiti pakaian mereka, iaitu serban bagi lelaki dan pakaian Punjabi bagi wanita. Bahasa ibunda etnik Sikh ialah bahasa Punjabi tetapi dengan dialek yang berbeza.



Etnik Sikh



Etnik Siam

Negara kita juga dihuni etnik Siam. Kebanyakan mereka tinggal di utara negeri yang bersempadan dengan Thailand seperti Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan. Mereka mempunyai loghat yang tersendiri. Antara perayaan yang disambut ialah *Loy Krathong* dan *Songkran*.



Etnik Portugis

Lebih menarik lagi, di negara kita juga terdapat etnik Portugis. Etnik ini wujud kesan pendudukan Portugis di Melaka. Etnik berketurunan Portugis ini juga disebut sebagai orang Serani, iaitu hasil perkahwinan campur antara orang Portugis dengan penduduk tempatan. Etnik Portugis mempunyai bahasa dan budaya yang unik. Tarian etnik ini yang paling terkenal ialah *berano* dan *frapeirra*.





Etnik Baba dan Nyonya

Perkahwinan pedagang dari China dengan penduduk tempatan juga telah mewujudkan etnik Cina Peranakan yang dikenali sebagai Baba dan Nyonya. Anak lelaki hasil perkahwinan ini disebut Baba dan anak perempuan disebut Nyonya. Golongan Nyonya biasanya memakai kebaya dengan kain batik. Mereka membentuk identiti unik dari segi masakan, pakaian, pinggan mangkuk dan perabot. Mereka juga menggunakan dialek Melayu-Baba.



Etnik Ceti

Selain itu, hasil perkahwinan antara pedagang dari India dengan penduduk tempatan juga telah mewujudkan etnik Ceti atau turut dikenali sebagai Chitty atau India Peranakan. Mereka juga mempunyai pakaian tradisional, iaitu kebaya labuh atau kebaya pendek bagi wanita dan baju cekak musang serta kain pelekat bagi lelaki.

Lihatlah betapa kayanya negara kita dengan pelbagai kaum dan etnik. Oleh itu, kita perlu menghormati kepelbagaian ini dan hidup saling menghormati demi tanah pusaka bertuah ini. Berbanggalah kita berada di tanah air ini.



- Senaraikan kaum yang terdapat di Malaysia.
- Seandainya anda ketua murid di sekolah, bagaimakah cara anda menggalakkan rakan-rakan daripada pelbagai kaum supaya saling berinteraksi?



Dapatkan gambar pelbagai kaum dan etnik di negara kita. Persembahkannya dalam bentuk blog atau peta bulatan.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali kaum dan etnik di negara kita.
- Bimbing murid memahami pentingnya menghormati kaum dan etnik sebagai asas perpaduan negara.



PENGUKUHAN

MAKMURNYA TANAH AIRKU



Sejak berabad dahulu, masyarakat Malaysia mengusahakan pelbagai pekerjaan demi memakmurkan tanah air ini. Sebelum merdeka, petempatan masyarakat di negara ini terpisah berdasarkan pekerjaan masing-masing.



Kampung Melayu di muara sungai.



Pada masa dahulu, petempatan orang Melayu bertumpu di pesisir pantai dan muara serta tebing sungai. Aktiviti utama mereka adalah menangkap ikan, bertani dan bermiaga secara kecil-kecilan. Ada juga sebahagian kecil kaum Melayu yang tinggal di kawasan pentadbiran yang kemudiannya berkembang menjadi bandar. Pada masa ini, kaum Melayu tinggal di kampung dan bandar serta bekerja dalam pelbagai bidang.



Petempatan kaum Cina di bandar.



Kaum Cina pada masa dahulu bekerja sebagai pelombong, terutamanya di Selangor dan Perak. Ada juga yang bermiaga di bandar dan pekan. Oleh itu, mereka merupakan penduduk yang terbesar di bandar dan pekan baharu. Bandar dan pekan baharu ini dibangunkan sebagai pusat perniagaan dan pentadbiran. Pada masa ini, kaum Cina bekerja dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan.





Petempatan kaum India di kawasan estet.


Sebelum merdeka, kaum India kebanyakannya tinggal di kawasan estet disebabkan pekerjaan mereka sebagai buruh atau kakitangan ladang tersebut. Ada juga kaum India yang bertugas dalam perkhidmatan awam dan tinggal di bandar. Pada masa ini, ramai kaum India tinggal di bandar dan pinggir bandar serta berkhidmat dalam pelbagai bidang.



Petempatan Orang Asli.



Masyarakat Orang Asli kebanyakannya tinggal di Pahang, Perak, Selangor, Kelantan dan Terengganu. Dahulu, majoriti Orang Asli tinggal di pedalaman. Mereka menjalankan kegiatan mencari hasil hutan, berburu dan menangkap ikan. Pada masa ini, kawasan petempatan Orang Asli telah mengalami banyak perubahan. Mereka terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan. Ada juga yang berniaga kraf tangan dan hasil hutan seperti herba dan madu.






Rumah panjang etnik Iban di Sarawak.

Di Sarawak, petempatan masyarakatnya pada masa dahulu juga turut terasing berdasarkan etnik seperti Iban, Bidayuh, Kenyah dan Penan. Mereka menetap di kawasan pedalaman dan muara sungai. Kebanyakan mereka bekerja sebagai petani dan mencari hasil hutan. Orang Melayu dan Melana pula bertumpu di kawasan pesisir pantai kerana bekerja sebagai nelayan, peniaga dan petani. Pada masa ini, orang Melayu dan Melana lebih bertumpu di bandar besar. Terdapat juga etnik lain yang turut berhijrah ke bandar dan menyebabkan generasi baharu etnik ini sukar dikenali. Mereka terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan.



Petempatan etnik Bajau di pesisir pantai.

Petempatan penduduk di Sabah pada masa ini juga telah mengalami perubahan. Dahulu, etnik Kadazandusun tinggal di pedalaman dan bekerja sebagai petani dan pemungut hasil hutan. Etnik Bajau tinggal di darat dan pesisir pantai serta bekerja sebagai nelayan. Sementara itu, etnik Murut yang tinggal di kawasan berbukit mengusahakan penanaman padi huma dan memungut hasil hutan. Pada masa ini, ramai yang telah berhijrah ke bandar, terutamanya generasi muda. Mereka lebih berminat menceburi bidang perkhidmatan awam, swasta dan perniagaan terutamanya yang berasaskan pelancongan. Namun, masih ada masyarakat di Sabah yang mengekalkan identiti dan pekerjaan lama mereka.



Keadaan kini telah berubah disebabkan generasi muda tidak berminat untuk meneruskan pekerjaan tradisi ibu bapa mereka. Taraf pendidikan yang lebih tinggi telah membuka peluang pekerjaan yang lebih luas untuk diceburi. Selain itu, pelbagai dasar telah dibuat oleh kerajaan selepas merdeka untuk menyatupadukan masyarakat. Perkongsian ekonomi yang sama rata antara kaum juga menyebabkan tiada lagi pemisahan tempat tinggal. Kesannya, masyarakat di negara kita tinggal dalam persekitaran yang sama tanpa mengira kaum dan etnik serta saling menghormati.



Masyarakat Malaysia pada hari ini tinggal dalam persekitaran yang sama tanpa mengira kaum dan etnik.





- Mengapakah sebelum merdeka berlaku pengasingan petempatan mengikut kaum?
- Pada pendapat anda, apakah kebaikan tinggal berjiran dengan pelbagai kaum?



Sekiranya anda seorang perancang bandar, cadangkan pelan petempatan yang melibatkan pelbagai kaum dalam sesuatu kawasan. Ceritakan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami perkaitan petempatan dengan kegiatan ekonomi masyarakat dahulu dan kini.





UNIKNYA SENI KITA

Datanglah Beramai-ramai
untuk Menyaksikan

PAMERAN KESENIAN TRADISIONAL MALAYSIA SEMPENA PESTA KAAMATAN SABAH

Acara Menarik

27 MEI

- * Pertandingan Permainan Stesen Alat Muzik Tradisional

28 MEI

- * Pertandingan Teka Tarian Tradisional

29 MEI

- * Pertandingan Permainan Tradisional

30 MEI

- * Pertandingan Sugandoi Kaamatan (nyanyian lagu dalam bahasa Kadazandusun)
- * Pertandingan Unduk Ngadau Kaamatan
- * Persembahan Kebudayaan Tradisi
- * Persembahan Artis-artis Tempatan

Wah, ada pameran! Mari kita pergi. Mesti seronok.




1 Selamat datang, semua. Saya Gitar sejenis alat muzik. Mari, saya perkenalkan dengan alat muzik tradisional. Mereka dialunkan bagi tujuan hiburan, keagamaan dan upacara pengebumian.

2 Saya Sape dari Sarawak. Saya akan dipetik seperti gitar ketika dimainkan. Badan saya diperbuat daripada kayu jenis peliae, keladan atau jelutung. Saya juga dihias dengan corak yang menarik.





3 Saya pula dari Sabah. Nama saya Sompoton. Saya diperbuat daripada labu air yang dikeringkan. Labu yang telah kering akan ditebus untuk dibuat lubang. Lapan batang buluh kecil yang disusun dalam dua lapisan akan dimasukkan ke dalam lubang tersebut dan dilekatkan bagi menahan angin daripada keluar melalui celah-celah buluh apabila saya ditiuup.






4

Nama saya Rebab. Saya alat muzik tradisional Melayu. Saya ialah alat gandingan dalam penceritaan Tok Selampit atau penglipur lara.



5

Hai, nama saya Yangqin! Saya mempunyai banyak tali. Saya diperbuat daripada kayu dan diletakkan di meja kecil yang diukir indah.



6

Saya Kompang. Saya dimainkan di majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan dan majlis rasmi. Saya juga mengiringi tarian dan nyanyian lagu-lagu Melayu.



7

Kami pula Tabla. Bagi masyarakat India, kami berperanan penting ketika upacara keagamaan dan sebagainya.

8

Sayalah Veenai, alat muzik tradisional India yang diperbuat daripada kayu. Saya mempunyai empat tali untuk melodi dan tiga tali untuk dengungan. Tubuh saya berukir indah.




q

Nama saya Dagu (gendang besar). Saya dimainkan semasa upacara sembahyang dan persembahan tertentu.



10

Saya Gedombak. Saya dimainkan ketika persembahan wayang kulit dan menora.



- Pada zaman dahulu, dagu pernah digunakan di negara China untuk mengarahkan tentera, menghalau haiwan dan memaklumkan waktu.





II

Saya Gong. Sebelah saya Bonang. Kami digunakan dalam persembahan gamelan.

I2

Yang duduk di sana Bo. Dia merupakan alat muzik tradisional kaum Cina. Kami dihasilkan daripada gangsa.



- Gamelan ialah alat-alat muzik yang dipalu, terdiri daripada saron, bonang, gambang dan gong.







13

Saya pula Seruling.
Saya juga dipanggil
Pullangkulal oleh orang
Tamil. Orang Cina
pula memanggil saya
sebagai Zhudi atau Dizi.
Saya berasa bangga
kerana saya menjadi
milik bersama.


14

Saya Nafiri. Saya
dimainkan untuk
golongan diraja dalam
muzik nobat.



15

Saya Daun Kelapa. Saya dan beberapa kawan saya seperti daun getah, daun pisang dan batang padi juga boleh dijadikan sebagai alat muzik. Irama kami agak unik. Kami selalu dimainkan di kampung-kampung.



16

Gembiranya saya dapat berkenalan dengan mereka. Tidak sia-sia saya datang ke pameran ini.

17

Sebab itu saya berasa amat bangga. Mereka menghasilkan bunyi yang merdu dan berjaya menghiburkan masyarakat. Mereka merupakan warisan yang harus dipelihara.



- Apakah kegunaan alat-alat muzik ini dalam masyarakat kita?
- Buktikan yang masyarakat kita kreatif dalam menghasilkan dan memainkan alat muzik tradisional.
- Cadangkan langkah-langkah untuk mengekalkan penggunaan alat muzik tradisional ini.



Dapatkan bahan daripada persekitaran seperti daun pisang, daun getah dan pembalut gula-gula untuk dijadikan alat muzik. Mainkan secara harmonis.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kegunaan alat muzik tradisional.
- Bantu murid mencari bahan yang bersesuaian untuk dijadikan alat muzik secara kreatif.





INDAH NIAN GERAK TARI

Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi, seni tari telah wujud di negara kita. Sejarah membuktikan bahawa terdapat tarian yang dipersembahkan untuk hiburan di istana seperti tarian inang. Terdapat juga tarian seperti makyung dan zapin di negeri lain. Tarian juga ditarikan dalam upacara pemujaan atau keagamaan. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum telah mewujudkan pelbagai jenis tarian yang unik. Kepelbagaiannya tarian ini perlu kita hargai supaya kekal dan menjadi identiti negara yang boleh dibanggakan.

Tarian Inang

Tarian inang merupakan tarian istana yang dicipta semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pergerakan tarian ini dilakukan secara lemah gemalai. Tarian ini diiringi alat muzik seperti rebana, biola dan gendang.



Tarian Makyung

Menurut legenda, tarian makyung dikaitkan dengan semangat padi yang digelar Mak Hiang untuk menghormati dan berterima kasih bagi hasil tuaian yang diperoleh. Selain hiburan, makyung digunakan sebagai salah satu cara perubatan tradisional. Penari makyung akan memainkan peranan sebagai raja, permaisuri, pembesar, panglima dan sida-sida istana.



- Makyung merupakan kesenian klasik kebanggaan negara apabila diiktiraf sebagai *World Heritage Arts* oleh UNESCO pada tahun 2005.





Tarian Singa

Tarian singa ialah tarian tradisional masyarakat Cina. Penarinya akan memakai kostum singa dan bergerak meniru pergerakan singa. Tarian ini dipersembahkan sebagai istiadat ataupun upacara untuk membuang semangat jahat. Tarian ini dimainkan ketika sambutan Tahun Baru Cina, untuk membuka perniagaan atau ketika memasuki rumah baharu.

Tarian Bharathanatyam

Tarian tradisional masyarakat India ini penuh dengan gerakan tangan, kaki dan mata yang membawa maksud tertentu. Biasanya tarian ini dipersembahkan oleh penari wanita dalam majlis keagamaan atau majlis-majlis tertentu.



Tarian Sewang

Bagi masyarakat Orang Asli, mereka terkenal dengan tarian sewang. Tarian ini ditarikan bagi tujuan perubatan, majlis keramaian dan perkahwinan. Tarian ini juga ditarikan semasa upacara membuka ladang baharu. Tarian ini ditarikan oleh beberapa orang penari di balai sewang dengan irungan alat muzik buluh cetong dan nyanyian.





Tarian Ngajat

Tarian ngajat merupakan tarian tradisional di Sarawak. Tarian ini ditarikan semasa menyambut Hari Gawai dan selepas musim menuai. Pada zaman dahulu, tarian ngajat ditarikan selepas mereka kembali daripada berperang. Muzik yang mengiringi tarian ini ialah tawak (gong besar), bebundai (gong sederhana), gendang atau dedumbak, engkromong (satu set gong kecil) dan sape.

Tarian Sumazau

Tarian sumazau merupakan sejenis tarian tradisional Sabah. Tarian ini dipersembahkan semasa Tadau Kaamatan yang dirayakan pada bulan Mei setiap tahun. Perkataan sumazau berasal daripada perkataan sazau dan *dhol*, iaitu merujuk kepada pergerakan tangan penari seperti seekor burung helang sedang terbang. Tarian ini diiringi oleh paluan gong dan gendang.



Tarian Bhangra

Tarian ini sangat popular dalam kalangan etnik Sikh. Dahulunya, tarian ini dipersembahkan sebagai tanda gembira atas hasil tuaian yang baik. Kini, tarian bhangra ini dipersembahkan untuk majlis-majlis kekeluargaan dan keramaian. Alat muzik yang mengiringi tarian ini ialah *dhol*, harmonika dan tamborin.



- Namakan jenis-jenis tarian tradisional yang terdapat dalam masyarakat di Malaysia.
- Bagaimanakah anda boleh memperkenalkan tarian tradisional ini ke peringkat antarabangsa?



Ciptakan satu tarian senamrobik gabungan pelbagai tarian di negara kita. Persembahkannya pada bulan patriotisme di sekolah anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali tarian-tarian tradisional di negara kita.
- Bantu murid mencipta satu senamrobik gabungan tarian pelbagai kaum.





PERMAINAN TRADISIONAL MASYARAKAT KITA

Dalam masyarakat tradisional, permainan tradisional menjadi aktiviti mengisi masa lapang. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, sepak raga menjadi permainan tradisi masyarakat. Antara permainan tradisional lain ialah layang-layang, gasing dan congkak. Jika sesuatu permainan diadakan di sebuah kampung, penduduk kampung berdekatan akan berkunjung untuk mengambil bahagian atau memberikan sokongan. Keadaan ini merapatkan hubungan antara penduduk.

Permainan Tradisional Masyarakat Malaysia

Permainan Anjung

- Dimainkan di anjung rumah atau di dalam rumah.
- Pergerakan yang terbatas.
- Contohnya, batu seremban, congkak, *weiqi*, dam haji, *tayam* dan *xiangqi*.

Permainan Halaman

- Memerlukan kawasan yang luas.
- Pergerakan yang lincah dan aktif.
- Contohnya, tating lawi, ketingting, gasing, sepak raga, *kabbadi*, tibau dan sepak manggis.

Permainan Lasak

- Memerlukan kawasan lapang yang luas.
- Pergerakan yang lincah, aktif dan lasak.
- Contohnya, main wau, mandi sungai dan menarik upih.



Permainan Anjung

Batu Seremban

- Dikenali juga dengan nama selambut.
- Permainan ini sering dimainkan secara berpasangan atau berkumpulan.
- Alat permainan ini terdiri daripada batu atau objek kecil yang lain berbentuk bulat.
- Permainan ini dapat mengeratkan persahabatan.



Congkak

- Permainan congkak wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- Permainan ini dimainkan secara berpasangan.
- Dahulu, lubang congkak dibuat di atas tanah. Biji congkak pula ialah biji getah atau batu-batu kecil.
- Kini, congkak diperbuat daripada kayu atau plastik dengan biji congkaknya daripada guli.
- Permainan ini membentuk interaksi yang baik.

Weiqi

- Permainan berpapan ini dimainkan oleh dua orang.
- Permainan ini hanya menggunakan biji-biji berwarna hitam dan putih sebagai penanda.
- Objektif permainan ini adalah untuk menguasai kawasan papan yang lebih besar daripada lawan.
- Permainan ini kaya dengan strategi apabila pemain berganti-ganti meletakkan biji hitam dan putih di atas persilangan grid garis.



Dam Haji

- Permainan ini dimainkan oleh dua orang.
- Dam haji memerlukan buah dam dan papan permainan yang berbentuk segi empat sama.
- Setiap buah dam boleh bergerak secara sendeng ke petak warna yang sama, sama ada ke kiri atau ke kanan.
- Buah dam yang berjaya sampai di hujung papan lawan dikatakan "naik haji" dan boleh bergerak bebas.
- Permainan ini masih kekal sehingga kini dan berjaya memupuk kemesraan.



Tayam atau Paramapadham

- Permainan ini sama seperti permainan dam ular.
- Lazimnya dimainkan oleh dua hingga empat orang. Pemain akan bergerak mengikut angka buah dadu yang dilemparkan.
- Permainan ini dapat memupuk kemesraan.



Xiangqi

- Permainan ini dimainkan oleh dua orang.
- Permainan ini juga dikenali sebagai catur Cina.
- Permainan ini mengajar kita bertindak dengan bijak kerana pelbagai strategi perlu digunakan. Strategi ini dapat meningkatkan daya pemikiran pemain.



Permainan Halaman

Tating Lawi

- Permainan ini turut dikenali sebagai chap teh, sepak bulu ayam atau jambak lawi.
- Tating diperbuat daripada tiga atau empat helai bulu ayam yang diikat pada kepingan getah atau kertas tebal.
- Kemenangan dikira berdasarkan tatingan terbanyak.



Ketingting atau Tingting

- Permainan ini biasanya dimainkan oleh kanak-kanak.
- Gelanggang permainan dibuat dengan cara melukis petak-petak yang bersambung di atas permukaan tanah.
- Setiap pemain mestilah memiliki penanda masing-masing.
- Permainan ini dapat mengeratkan persahabatan.

Gasing

- Gasing dimainkan dalam dua cara, iaitu gasing uri ataupun gasing pangkah.
- Gasing uri biasanya dimainkan untuk melihat dan menguji ketahanan gasing berpusing. Gasing yang mampu berpusing lama dikira sebagai pemenang pertandingan.
- Gasing pangkah pula dimainkan secara individu atau berkumpulan.
- Caranya dengan memangkah gasing kumpulan lawan supaya gasing pihak lawan pecah atau berhenti berpusing.
- Dalam permainan gasing, terdapat lima langkah utama, iaitu melilit tali, melilit gasing, memusing gasing, memangkah dan mengangkat gasing.



Kabbadi atau Sadugudu

- *Kabbadi* ialah permainan laman bagi kaum India. Permainan ini dimainkan oleh dua pasukan.
- Satu pasukan akan menghantar penyerang kepada pihak lawan. Penyerang tersebut perlu menahan nafas dan melaungkan perkataan *kabbadi*. Penyerang juga perlu menyentuh salah seorang pemain pihak lawan. Pemain yang berjaya disentuh akan tersingkir.
- Mereka yang benar-benar lasak dan cergas serta mempunyai kekuatan fizikal sahaja mampu bermain *kabbadi*.



Permainan Tibau

- Permainan tibau dimainkan ketika Pesta Kaul (perayaan selepas musim menuai) yang diraikan oleh etnik Melanau, Sarawak.
- Tibau dibina daripada beberapa batang buluh atau pokok nibung atau kayu keras. Tibau berbentuk rak atau pemidang yang bertingkat-tingkat dan berbentuk piramid. Kebiasaannya, ketinggian tibau ini antara 8-10 meter dan dibina dalam keadaan yang condong di atas tanah yang rata.
- Terdapat juntaian tali daripada rotan dan akan diayun seperti sebuah buaian. Kedua-dua bahagian ini perlulah dibina dengan kukuh demi keselamatan pemain.
- Pemain akan melompat secara bergilir-gilir ke atas tibau sehingga tibau tidak boleh berayun lagi.



Sepak Manggis

- Sepak manggis terkenal dalam kalangan etnik Bajau di Kota Belud, Sabah dan diadakan ketika majlis keramaian.
- Pemain berdiri di dalam bulatan menghadap satu sama lain dan cuba menjatuhkan satu kotak yang dihias dengan kertas berwarna-warni.
- Kotak ini digantung pada tiang buluh setinggi 10 meter. Pemenang dihadiah wang, barang atau makanan yang terkandung di dalam kotak tersebut.
- Selain memeriahkan majlis, permainan ini mampu mengeratkan persahabatan.



- Berikan contoh permainan tradisional anjung dan halaman.
- Apakah kebaikan permainan tradisional?
- Pada pendapat anda, apakah perbezaan permainan tradisional dengan permainan kini?



Permainan Lasak

Wau

- Pada kebiasaannya, wau akan dimainkan oleh dua orang, iaitu seorang akan memegang wau dan seorang lagi disebut juruanjung yang memegang tali.
- Apabila angin bertiup, tali akan ditarik melawan arus angin dengan cara menghulur dan menarik talinya sehingga wau tersebut terbang tinggi di udara.
- Wau dimainkan di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor sebagai satu rekreasi.
- Reka bentuk wau selalunya bermotifkan awan larat dengan pelbagai warna yang menarik.



Tarik Upih

- Tarik upih dimainkan dengan menggunakan upih pinang tua.
- Daunnya akan dijadikan hulu atau tempat untuk menarik upih tersebut.
- Permainan ini dimainkan secara berpasangan. Salah seorang akan menjadi tukang tarik dan seorang lagi duduk di atas upih.



Mandi Sungai

- Aktiviti mandi sungai memerlukan kemahiran berenang dan menyelam.
- Kanak-kanak akan bermain kejar-mengejar di dalam air.
- Kanak-kanak akan memanjat pokok-pokok besar di tepi sungai untuk terjun ke dalam sungai.



Permainan tradisional juga dapat mengukuhkan perpaduan, menggalakkan kerjasama, mempamerkan kreativiti dan meningkatkan kesabaran. Selain itu, permainan-permainan ini juga menggalakkan kita berfikir, berani ke hadapan dan pandai bergaul sesama rakan dan masyarakat.



Cipta satu peralatan permainan yang kreatif menggunakan bahan terbuang atau sumber alam.

NOTA GURU

II.I.4
KII.I.7
KII.I.8

- Bimbing murid mengenali permainan tradisional di negara kita.
- Bantu murid mencipta peralatan permainan menggunakan bahan terbuang atau sumber alam.



CERITA RAKYAT KEBANGGAAN KITA

SITUASI SATU

1

Ayah, apakah cerita rakyat?

3

Cerita rakyat disampaikan untuk berhibur dan mendidik. Ada beberapa jenis cerita rakyat. Antaranya, legenda, mitos, cerita asal usul, cerita jenaka, cerita binatang dan cerita hikayat.

6

Betul, nek. Saya baru habis membaca cerita "Angan-angan Mat Jenin". Tidak sabar saya hendak bercerita kepada kawan-kawan saya.



2

Cerita rakyat ialah cerita yang berbentuk cerita lisan. Cerita ini disampaikan dari satu generasi ke satu generasi dan seterusnya menjadi warisan dalam masyarakat kita. Cerita rakyat biasanya disampaikan oleh orang yang lebih tua seperti datuk, nenek, ibu bapa atau ketua masyarakat. Dalam masyarakat Melayu tradisional, terdapat tukang cerita untuk mempersembahkan cerita rakyat terutama dalam majlis keramaian.

4

Semasa atuk kecil dahulu, cerita rakyat disampaikan oleh penglipur lara. Ada yang menggelarnya dengan nama lain seperti Tok Selampit atau Awang Batil.

5

Betul kata atuk kamu. Antara cerita rakyat yang pernah nenek dengar ialah "Angan-angan Mat Jenin". Ada juga cerita rakyat tempatan yang lain seperti "Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang", "Kisah Enam Orang Buta Melihat Gajah" dan "Doyan Budak Hidung Terbalik".



- Mitos ialah cerita yang mengandungi unsur-unsur sejarah awal kewujudan sesuatu suku bangsa atau kejadian-kejadian alam.
- Legenda ialah cerita yang bersangkutan dengan kisah-kisah yang bersejarah.
- Hikayat ialah cerita riwayat atau sejarah hidup seperti Hang Tuah.



SITUASI DUA

1

Jeannet, ini buku awak. Saya seronok membaca kisah "Angan-angan Mat Jenin". Rupanya Mat Jenin ini seorang pemuda yang kuat berangan-angan untuk memajukan dirinya. Buktinya, dia memanjat pokok kelapa untuk menyara hidupnya.

2


Ya, angan-angannya nampak munasabah. Bermula dengan mengambil upah memanjat pokok kelapa, dia mula merancang untuk berjaya. Dia akan membeli telur ayam dengan upah tersebut. Telur itu akan dieramkan. Apabila menetas, anak ayam itu akan dipelihara sehingga boleh dijual. Hasilnya akan digunakan untuk membeli lembu dan kuda. Ketika sedang menunggang kuda inilah dia terjumpa tuan puteri dan ingin memikatnya. Saat inilah dia terjatuh dari pokok kelapa.

7

Nampaknya kita semua mempunyai impian yang sama. Ingin berjaya dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Tetapi, jangan pula apabila berjaya, kita leka sehingga lalai dan akhirnya jatuh, hahaha ...!

- Berikan maksud cerita rakyat.
- Apakah tujuan cerita rakyat ini dipersembahkan?
- Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengekalkan cerita-cerita rakyat ini?





NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali cerita rakyat pelbagai kaum di negara kita.
- Bantu murid melakonkan cerita rakyat ini.

II.I.5
KIII.I.7
KIII.I.8





MARI BERPANTUN

Cara Bermain



1. Aktiviti ini boleh dimainkan dalam dua kumpulan.
2. Satu kumpulan terdiri daripada tiga orang.
3. Jawapan diberikan dalam bentuk pantun.
4. Jawapan paling tepat dan sesuai rima pantunnya dianggap pemenang.

1. Pandai sungguh adik menari,
Menari adik penuh sopan;
Jika adik bijak bestari,
Berikan contoh alat tiupan.

2. Penyampai cerita itulah tugasnya,
Sebagai hiburan juga teladan;
Tekalah kawan siapakah dia,
Supaya tak hilang ditelan zaman.

3. Jika dimain perlu dipetik,
Asal diri dari Sarawak;
Berbadan kayu bercorak cantik,
Cubalah teka jangan teragak.

4. Masyarakat Sabah sungguh kreatif,
Diambilnya labu serta buluh;
Jika adik bijak inovatif,
Cubalah teka dengan bersungguh.

5. Alat dimain kaum India,
Paling berguna upacara agama;
Jika adik sudah bersedia,
Cubalah teka berilah nama.

6. Asal dimain kaum Cina,
Dibuat daripada sumber galian;
Nama disebut di mana-mana,
Marilah teka wahai kawan.

7. Tugal padi jangan bertangguh,
Kunyit di kebun siap digali;
Kalau tuan cerdik sungguh,
Tarian apakah untuk Orang Asli?

8. Buah bidara sedang mengkal,
Duduk makan berair koko;
Jika adik sungguh berakal,
Tarian apakah diiktiraf UNESCO?

9. Masak laksa kuah pekat,
Boleh dimakan di Sarawak kini;
Dibuat daripada pemidang bertingkat,
Cubalah teka permainan ini.

10. Kuih ketayap dilipat petak,
Gula Melaka jadi intinya;
Pemain cuba jatuhkan kotak,
Jika jatuh jadi miliknya.

NOTA GURU

- Bersama-sama murid, bina beberapa lagi soalan tambahan untuk menambahkan pemahaman.





FIKIR DAN JAWAB

A. Lihat ilustrasi di bawah. Jawab soalan-soalan berikut.



Apakah pekerjaan wanita-wanita di atas pada masa dahulu?

1

.....
.....
.....

2

Pada pandangan anda, di manakah petempatan mereka sebelum merdeka?

- Melayu :
- Cina :
- India :

3

Mengapakah keadaan petempatan setelah merdeka banyak berubah?

.....
.....
.....

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan berdasarkan gambar.





FIKIR DAN JAWAB

B. Kategorikan item-item ini dengan tepat. Susun jawapan menggunakan peta pokok.



NOT A GURU

- Bimbing murid melengkapkan peta pokok dengan jawapan yang betul.
 - Bantu murid membuat rumusan tentang kebudayaan kaum dan etnik di Malaysia.





Kita Rakyat Malaysia

TAJUK 1

TAJUK 2

TAJUK 3

RANGSANGAN


UNIT

5

AGAMA DAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA



KRISTIAN



ISLAM



HINDU



BUDDHA



SIKH



TAO



NOTA GURU

- Bimbing murid meneliti gambar dan mengaitkannya dengan tajuk ini.





PENERIMAAN KEPELBAGAIAN AGAMA DAN KEPERCAYAAN

Negara kita terdiri daripada pelbagai kaum yang menganut pelbagai agama dan kepercayaan. Kebanyakan masyarakat telah mengenali agama dan kepercayaan kaum-kaum lain. Oleh itu, sikap saling menghormati dapat disemai dalam kalangan masyarakat Malaysia.


D SITUASI SATU

1

Penganut agama Islam wajib menunaikan solat lima waktu sehari. Mereka juga wajib berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadan.



- Islam ialah agama bagi Persekutuan.
- Agama lain yang terdapat di Malaysia ialah Kristian, Hindu, Buddha, Tao dan Sikh.





2 Penganut agama Buddha pula diminta untuk melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang buruk. Mereka bersembahyang di wat.

3 Penganut agama Hindu percaya kepada hukum karma.erti, jika berbuat baik, maka balasan baiklah yang akan diterima kelak.




5 Walaupun kita berbeza agama dan kepercayaan, kita hidup dalam keadaan harmoni. Itulah uniknya masyarakat di Malaysia.





SITUASI DUA



3

Konfusianisme pula mengajar prinsip-prinsip hidup yang baik dan menekankan sifat berperikemanusiaan. Perasaan hormat-menghormati antara yang muda dengan yang tua menjadi prinsip ajaran ini.



5

Beruntungnya kita menjadi rakyat Malaysia. Walaupun masyarakatnya mengamalkan pelbagai agama dan kepercayaan, kita semua hidup aman damai.

4

Sekarang, baru saya faham. Semua agama dan kepercayaan mengajar pengikutnya supaya sentiasa melakukan perkara yang baik.

Cari dan senaraikan nilai murni yang terdapat dalam agama dan kepercayaan di Malaysia. Hasilkannya dalam bentuk peta minda.

NOTA GURU

II.2.1
KII.2.6
KII.2.7

- Bimbing murid mengenali agama dan kepercayaan yang ada di negara kita.
- Bantu murid memahami kepentingan menghormati agama dan kepercayaan yang dianuti oleh pelbagai kaum di negara kita.





PELBAGAI KEPERCAYAAN DI NEGARA KITA

SITUASI SATU



Majlis perkahwinan masyarakat Orang Asli.



Masyarakat Kadazandusun mengadakan upacara memuja semangat padi.



Upacara ngeduang dalam masyarakat Bajau.




Selamat datang ke rancangan “Uniknya Negara Kita”. Hari ini saya akan menerangkan beberapa amalan kepercayaan masyarakat di Malaysia. Bagi masyarakat Orang Asli, mereka mengamalkan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun. Kepercayaan mereka ini berkait rapat dengan alam sekitar.

Masyarakat Kadazandusun di Sabah pula percaya kepada Kinorohingan yang dipercayai mempunyai kuasa tuhan. Masyarakat Kadazandusun juga percaya kepada semangat padi. Bagi mendapatkan hasil padi yang banyak, mereka menjalankan upacara memuja semangat padi.

Bagi sesetengah masyarakat Bajau, mereka masih memegang kepercayaan yang diwarisi daripada nenek moyang. Contohnya, upacara ngeduang atau duang rumah, iaitu tuan rumah atau ahli keluarga si mati akan menjamu makanan kepada tetamu.

- Apakah yang anda faham tentang upacara miring dalam masyarakat Iban?
- Mengapakah alam sekitar dianggap penting dalam amalan kepercayaan sesetengah masyarakat kita?



SITUASI DUA



Masyarakat Melanau menghias indah bot mereka bagi meraikan perayaan Kaul.



Upacara miring yang dilakukan oleh masyarakat Iban.



Nakod Babulang merupakan perayaan yang diraikan oleh masyarakat Bisaya.

Masyarakat Iban dan Melanau di Sarawak pula mengamalkan adat turun-temurun. Contohnya, apabila ingin mendirikan rumah, kawasan tanah hendaklah disemah terlebih dahulu untuk mengusir roh-roh jahat.

Masyarakat Iban juga mengadakan upacara berdoa kepada tuhan yang dikenali sebagai upacara miring. Perkataan miring bermaksud memberkati penduduk, melindungi, membawa kebahagiaan dan keharmonian dalam masyarakat.

Bagi masyarakat Bisaya yang bekerja sebagai petani, mereka percaya kepada kuasa-kuasa ghaib. Misalnya, sebelum membuka sesuatu kawasan pertanian, mereka akan membaca jampi mentera untuk mengelak daripada gangguan kuasa ghaib.

Dengan penerangan ini, diharap anda memahami keunikan kepercayaan masyarakat Malaysia.



 Dapatkan maklumat tentang kepercayaan masyarakat Kelabit dan Lun Bawang. Ceritakannya di dalam kelas.

NOTAGURU

II.2.1
KII.2.6
KII.2.7

- Bimbing murid menghormati kepercayaan masyarakat yang ada di negara kita.






ISLAM AGAMA PERSEKUTUAN



SITUASI SATU

PERTANDINGAN PIDATO MINGGU SEJARAH



Terima kasih, pengacara majlis, panel juri dan seluruh warga dewan yang saya muliakan. Salam sejahtera buat semua. Hayatilah sebuah pidato, cetusan minda saya yang bertajuk "Islam sebagai Agama Persekutuan".

Hadirin sekalian,

Malaysia ialah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan bercorak demokrasi. Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan".

Kandungan Perlembagaan ini bermaksud walaupun Malaysia telah memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan, penganut agama lain bebas mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing. Maka para hadirin sekalian, marilah kita sama-sama menghargai kebebasan ini.

Hadirin sekalian,

Sememangnya kebebasan inilah yang berjaya mengukuhkan perpaduan yang dikehendaki oleh rakyat Malaysia selama ini. Tegasnya, toleransi antara semua kaum telah berjaya memberi ruang untuk kita hidup aman damai. Bersatulah kita kerana "bersatu kita teguh, bercerai kita robuh".

Sekian, terima kasih.



- Apakah bukti agama lain diamalkan di negara ini?



SITUASI DUA

1

Hebat sungguh pemidato tadi. Teruja saya mendengarnya. Cikgu juga ada memberitahu bahawa hubungan antara institusi raja dengan Islam adalah rapat sejak mula kedatangan Islam di rantau ini.

2

Buktinya termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong ialah ketua agama Islam pada peringkat Persekutuan, negeri baginda sendiri, negeri yang tidak mempunyai raja dan Wilayah Persekutuan. Raja atau sultan dan Yang di-Pertuan Besar pula ialah ketua agama Islam bagi negeri baginda masing-masing.

3

Walau bagaimanapun, agama lain boleh diamalkan di negara kita dengan aman damai.

4

Malah, pembinaan rumah ibadat dan pelaksanaan aktiviti keagamaan juga boleh dilakukan. Sebagai menghormati amalan beragama ini, sesetengah sambutan perayaan keagamaan diberi cuti umum.

Cari maklumat tentang negara lain yang menjadikan Islam sebagai agama negara.

NOTA GURU

II.2.2
II.2.3
KII.2.6
KII.2.7


- Bimbing murid memahami Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan.





RUMAH IBADAT

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum mengamalkan agama dan kepercayaan yang pelbagai. Sebagai satu usaha untuk mewujudkan persefahaman dan perpaduan, kerajaan amat prihatin dengan pembinaan tempat ibadat setiap agama dan kepercayaan. Tempat ibadat ini juga berperanan untuk menggalakkan penganutnya berhimpun bagi mendengar penerangan tentang ajaran agama dan kepercayaan masing-masing.



Peta bulatan: Rumah-rumah ibadat di Malaysia.



- Apakah peranan rumah ibadat?
- Mengapakah pembinaan rumah-rumah ibadat pelbagai agama dan kepercayaan di Malaysia dibenarkan?



Dapatkan maklumat tentang seni bina rumah ibadat di tempat anda. Laporkan dapatan anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali rumah-rumah ibadat di Malaysia.
- Bantu murid mencari maklumat tentang seni bina rumah ibadat di tempat mereka.





ADAB DI RUMAH IBADAT

Kita perlu mengetahui adab, pantang larang dan peranan rumah-rumah ibadat kaum lain bagi menunjukkan rasa persefahaman antara kita. Selain itu, kita tidak boleh mengganggu individu lain ketika mereka beribadat. Cara ini dapat menunjukkan sikap prihatin kita terhadap kaum lain.



Agama Islam

Etika semasa berada di masjid:

- Memakai pakaian yang bersih, sopan dan menutup aurat.
- Menanggalkan kasut sebelum memasuki masjid.
- Menghormati jemaah yang sedang bersolat.




- Aurat ialah bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup.



Agama Kristian

Etika semasa berada di gereja:

- Mendengar ucapan paderi dengan senyap dan hormat.
- Memberikan sumbangan ikhlas.
- Tertib dan bersopan.





Agama Hindu

Etika semasa berada di kuil:


- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke pekarangan kuil.
- Membasuh kaki sebelum masuk ke kuil.
- Memberikan tumpuan semasa sami menjalankan upacara keagamaan.



Agama Buddha

Etika semasa berada di wat:

- Memakai pakaian yang sopan.
- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam wat.
- Memberikan tumpuan ketika beribadat.



- Namakan rumah-rumah ibadat mengikut agama dan kepercayaan masyarakat di Malaysia.
- Berikan contoh tindakan yang menunjukkan anda menghormati agama dan kepercayaan kaum lain.





Agama Sikh

Etika semasa berada di gurdwara:

- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke gurdwara.
- Berpakaian sopan dan menutup kepala semasa berada di gurdwara.
- Melakukan penghormatan kepada buku suci *Guru Granth Sahib* apabila masuk dan sebelum keluar gurdwara.



Agama Tao

Etika semasa berada di tokong:

- Memakai pakaian yang sopan.
- Melakukan upacara pemujaan dan penghormatan mengikut aturan.



Terdapat juga amalan tertentu yang tidak dilakukan di rumah-rumah ibadat khusus. Contohnya, amalan menyembah roh nenek moyang, upacara miring dan upacara memuja semangat padi. Sungguhpun begitu, kita perlu menghormati adab dan peraturan ketika upacara keagamaan dan kepercayaan itu diadakan.

Buat lawatan ke rumah-rumah ibadat mengikut agama dan kepercayaan anda. Catatkan peraturan atau adab yang terdapat di situ. Bentangkannya dalam kumpulan.

NOTA GURU

II.2.4
KII.2.5
KII.2.7

- Jelaskan kepentingan memahami adab ketika berada di rumah ibadat kepada murid.






PESANAN BERMAKLUMAT



1. Permainan secara berkumpulan.
2. Pemain pertama diminta mengambil kad pesanan daripada guru dan dikehendaki mengingati sebanyak mungkin maklumat yang terdapat pada pesanan tersebut.
3. Pemain pertama akan membisikkan pesanan kepada pemain kedua.
4. Proses ini diteruskan sehingga pemain yang terakhir.
5. Pemain yang terakhir akan mengisi borang jawapan.
6. Kumpulan yang menjawab dengan pantas dan tepat dianggap pemenang.





Contoh Pesanan

Kad pesanan 1

Rumah ibadat ini bermula dengan huruf M. Jika anda ingin memasukinya, hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat.

Kad pesanan 2

Rumah ibadat ini bermula dengan huruf G. Anda perlu mendengar ucapan paderi dengan senyap dan hormat.

Contoh Borang Jawapan

Nama kumpulan:

Pesanan yang diterima

Pesanan 1

.....
.....
.....

Rumah ibadat

Pesanan 2

.....
.....
.....



NOTA GURU

- Soalan bagi menjalankan aktiviti boleh dipelbagaikan. Bina soalan lain yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan serta rumah ibadat.
- Aktiviti ini boleh dijalankan di dalam atau di luar kelas.





PENTINGNYA PEGANGAN DALAM KEHIDUPAN

Agama dan kepercayaan merupakan pegangan hidup setiap manusia. Prinsip, amalan dan nilai yang terkandung dalam agama dan kepercayaan akan mendidik masyarakat ke arah kesejahteraan. Agama dan kepercayaan juga menjadi panduan kita dalam menjalani kehidupan sehari-hari.



- Nyatakan kepentingan mempunyai agama dan kepercayaan.



Ceritakan amalan agama atau kepercayaan yang anda lakukan di rumah kepada rakan-rakan di dalam kelas.

NOTA GURU


- Bantu murid memahami kepentingan mempunyai pegangan dalam kehidupan.
- Minta murid menceritakan amalan keagamaan atau kepercayaan yang dilakukan di rumah.





FIKIR DAN JAWAB

A. Kenal pasti maklumat tentang agama dan kepercayaan di Malaysia.



- Menunaikan solat lima waktu sehari.
- Percaya kepada hukum karma.
- Melakukan penghormatan kepada buku suci *Guru Granth Sahib* di dalam gurdwara.

- Bersembahyang di wat.
- Bersembahyang di gereja pada hari Ahad.

NOTAGURU

- Bantu murid menjawab soalan yang diberikan.
- Aktiviti ini boleh dijalankan secara individu, berpasangan atau berkumpulan.





FIKIR DAN JAWAB

B. Jawab soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah.



Namakan rumah ibadat dalam gambar di bawah.

- 1 i.
ii.
iii.
iv.

2 Nyatakan dua adab atau peraturan umum yang terdapat di semua rumah ibadat.


- i.
ii.

3 Apakah faedah kita memahami adab ketika berada di rumah ibadat?



NOTA GURU

- Bantu murid menjawab soalan yang diberikan.
- Bimbing murid membuat rumusan tentang agama dan kepercayaan masyarakat di Malaysia.



TAJUK 1 TAJUK 2 TAJUK 3

Kita Rakyat Malaysia

UNIT 6

RANGSANGAN

PERAYAAN DI MALAYSIA



NOTA GURU

- Bimbing murid memberikan pendapat tentang kad-kad ucapan perayaan di atas.



AGAMA DISANJUNG ADAT DIKENDONG

1

Selamat datang ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sebagai masyarakat yang berbilang kaum, kita meraikan pelbagai jenis perayaan pada setiap tahun. Ada perayaan yang disambut untuk memenuhi tuntutan agama, memperingati peristiwa penting atau mengekalkan budaya yang diwarisi. Oleh itu, kita harus berasa bangga dengan pelbagai keunikan yang ada di negara kita. Keunikan ini amat dikagumi oleh masyarakat antarabangsa. Seterusnya, para hadirin dijemput menjamu selera dengan diiringi persembahan muzik tradisional.

2

Bertuahnya kita menjadi rakyat Malaysia. Pelbagai perayaan dapat disambut. Penganut agama Islam merayakan Hari Raya Aidilfitri. Kaum India pula menyambut Deepavali.

8

Baguslah kalau semuanya sudah mengetahui perayaan kaum lain. Kita mesti menghormati perayaan mereka.

- Nyatakan perayaan-perayaan yang terdapat di Malaysia.
- Mengapakah kita perlu mengetahui dan memahami perayaan kaum lain?



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

3

Betul, Shalini Devi. Rakan saya yang berada di Sarawak dan Sabah menyambut Pesta Gawai dan Tadau Kaamatan.

4

Orang Cina pula menyambut Tahun Baru Cina dan Cap Goh Mei. Jiran saya yang menganut agama Buddha menyambut Hari Wesak.

5

Seronoknya kamu, Mei Mei. Kamu menyambut pelbagai perayaan yang mengeratkan hubungan kekeluargaan kaum Cina. Bagi etnik Siam, perayaan mereka dikenali sebagai *Loy Krathong*.

6

Orang Sikh pula menyambut Vaisakhi.

7

Bagi orang Semai seperti saya, kami meraikan Jis Pai, iaitu sambutan tahun baharu.

Ceritakan cara anda menyambut perayaan bersama-sama dengan keluarga kepada rakan sekelas.

NOTA GURU

II.3.1
II.3.2
KII.3.6

- Bimbang murid mengetahui dan memahami perayaan kaum lain di Malaysia.
- Minta murid berkongsi cara mereka menyambut perayaan bersama-sama dengan keluarga.





PERAYAAN DISAMBUT PERPADUAN DIPUPUK

Setiap perayaan di Malaysia akan disambut dengan gembira. Sambutan ini juga turut dimeriahkan oleh kaum-kaum lain. Oleh itu, pada tahun 2000, kerjaan telah memutuskan sebanyak enam perayaan agama dan kepercayaan dijadikan sebagai perayaan utama rakyat Malaysia. Perayaan ini disambut di seluruh negara dan diraikan dengan mengadakan Rumah Terbuka Malaysia. Matlamat utama Rumah Terbuka Malaysia adalah untuk memupuk perpaduan dan mewujudkan suasana harmoni.

PERAYAAN UTAMA DI MALAYSIA



Hari Raya Aidilfitri



Tahun Baru Cina





Deepavali



Hari Krismas



Hari Gawai



Tadau Kaamatan



Selain enam perayaan yang disambut secara tradisi dan rumah terbuka, terdapat juga perayaan keagamaan, kepercayaan dan kebudayaan yang disambut di negara kita. Sikap toleransi dan saling menghormati membolehkan rakyat Malaysia mengamalkan pelbagai perayaan dan adat resam tanpa sekatan. Perlembagaan Persekutuan juga membenarkan kita mengamalkan tuntutan agama masing-masing.

PERAYAAN KEAGAMAAN DAN KEPERCAYAAN

Islam



Hari Raya Aidiladha

Kristian



Hari Easter





Hindu

Thaipusam



Buddha

Hari Wesak




Sikh

Vaisakhi



PERAYAAN KEBUDAYAAN

Cina



Cap Goh Mei

India



Ponggal



- Konsep kebudayaan merangkumi keseluruhan cara hidup yang dikongsi dan diwarisi seperti bahasa, agama, pakaian dan lain-lain.

- Bagaimanakah sambutan perayaan dapat mengeratkan perpaduan rakyat Malaysia?
- Ceritakan cara anda meraikan perayaan rakan yang berbeza agama dan budaya.





Siam



Masyarakat Portugis di Melaka



Orang Asli

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari gambar kemeriahannya perayaan di negara kita. Hasilkan dalam bentuk poskad yang menarik dan tukar dengan rakan anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami dan menghormati perayaan-perayaan yang terdapat di Malaysia mengikut agama dan kepercayaan.





PERSEFAHAMAN DIPUPUK NEGARA SEJAHTERA

Kita perlu memahami jenis perayaan dan tujuan perayaan disambut bagi memupuk persefahaman. Ada perayaan yang disambut disebabkan agama, kepercayaan atau amalan yang diwarisi sejak turun-temurun. Oleh itu, masyarakat Malaysia perlulah bersikap terbuka dan rasional bagi memastikan keamanan dan kemakmuran negara kita berterusan.

Pantun Lebaran

Satu Syawal detik dinanti,
Tanda kemenangan sebulan berpuasa;
Saling berkunjung maaf-memaafi,
Semoga teguh budaya bangsa.

Mandi sunat pagi raya,
Berpakaian indah cantik menawan;
Bertukar juadah sesama kita,
Semoga teguh ikatan persaudaraan.

Pantun Sinar Deepavali

Perayaan disambut penuh gembira,
Disambut pada bulan Aippasi;
Deepavali bermaksud perayaan cahaya,
Tanda kejahatan dapat diatasi.

Pagi Deepavali meminta restu,
Mandi minyak amalan tradisi;
Di laman rumah *kolam* bersatu,
Tanda perayaan jiwa terisi.



Pantun Meraikan Hari Gawai

Satu Jun hari gembira,
Padi huma kuning menyerlah;
Tanda bersyukur rezeki diterima,
Pesta Gawai disambut meriah.

Juadah tradisi jadi sajian,
Rumah panjang cantik dihiasi;
Ngajat Ranyai kami persembahkan,
Perkara malang minta dijauhi.

Pantun Perayaan San Pedro

Perayaan *San Pedro* nama disebut,
Penaung nelayan itulah jasa;
Bulan Jun perayaan disambut,
Tinggalan Portugis hanya di Melaka.

Perayaan tiba meriah sambutan,
Kapal nelayan indah dihiasi;
Tarian istimewa tidak dilupakan,
Nelayan bermohon dimurahkan rezeki.



Pantun Ceria Krismas

Pohon Krismas dihias indah,
Penganut Kristian bersuka ria;
Dua puluh lima Disember disambut meriah,
Tanda Jesus Christ lahir ke dunia.

Suasana gereja diterangi lilin,
Nyanyian karol bergema hebat;
Negara berbeza sambutannya lain,
Berdasarkan budaya tradisi setempat.



Pantun Hari Wesak

Wesak disambut bersama-sama,
Penganut Buddha raikan sambutan;
Tanda kesetiaan pengasas agama,
Siddhartha Gautama Buddha dalam ingatan.

Upacara sembahyang jadi amalan,
Wat dikunjungi waktu pagi;
Merpati dilepaskan tanda kebebasan,
Bersedekah untuk si miskin dan sami.




- Mengapakah terdapat pelbagai perayaan di negara kita?
- Rumuskan tujuan perayaan disambut di negara kita.
- Pada pandangan anda, apakah kebaikan kita mengetahui sesuatu perayaan diadakan?



Pantun Tahun Baru Cina

Makan besar amalan tradisi,
Dua belas haiwan kalender Cina;
Sampul merah angpau diberi,
Tanda meriah Tahun Baru Cina.

Kuih bakul makanan tradisi,
Tarian singa menjadi warisan;
Lima belas hari terus dirai,
Cap Goh Mei penutup perayaan.



Pantun Meriah Tadau Kaamatan

Selesai sudah menuai padi,
Tibalah masa untuk bergembira;
Tadau Kaamatan bersama dirai,
Bersyukur atas rezeki diterima.

Memuja semangat padi malam pertama,
Upacara penting Bobohizan ketuai;
Tarian sumazau ditari mesra,
Air tapai sama dinikmati.



Cari maklumat tambahan tentang perayaan-perayaan di negara kita.
Hasilkan dalam bentuk syair atau sajak.

NOTA GURU

- II.3.1
- II.3.2
- II.3.4
- KII.3.7

- Bimbing murid memahami perayaan-perayaan yang diraikan di negara kita.
- Kepada murid, nyatakan perlunya kita memahami perayaan ini disambut supaya negara harmoni.





LAIN DAHULU LAIN SEKARANG

Kemeriahannya sambutan perayaan dalam kalangan masyarakat dahulu masih kekal dan diteruskan sehingga kini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perubahan yang berlaku disebabkan faktor pembangunan, perkembangan teknologi dan perubahan sosial dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Pada Hari Raya Aidilfitri, masyarakat Melayu dahulu akan menyajikan kuih-muih tradisional. Kuih-muih ini memerlukan kepakaran dan kesabaran untuk membuatnya. Penyediaan kuih-muih tradisional juga memerlukan kerjasama ahli keluarga dan masyarakat sekampung. Contohnya, amalan mengacau dodol. Pada hari ini, kuih-muih tradisional ini boleh dibeli pada bila-bila masa. Bagi golongan muda pula, mereka lebih berminat dengan kuih-muih moden. Kuih-muih moden ini mudah dibuat dan diperoleh.

DAHULU

Kuih-muih tradisional.

KINI

Kuih-muih moden.



Bagi kaum Cina, kaum keluarga akan berkumpul di rumah ibu bapa untuk upacara makan besar pada malam sebelum Tahun Baru Cina. Amalan makan besar di rumah bersama-sama dengan ahli keluarga merupakan tradisi turun-temurun yang masih diamalkan sehingga kini. Walau bagaimanapun, pada hari ini ada keluarga yang berkumpul untuk makan besar di restoran atau hotel.

DAHULU



Makan besar di rumah.

KINI



Sesetengah keluarga memilih untuk makan besar di restoran.



Bagi masyarakat India, aktiviti melukis *kolam* ialah suatu aktiviti penting yang diwarisi turun-temurun apabila menyambut Deepavali. Biasanya, aktiviti ini akan dibuat oleh anak perempuan. Dahulu, *kolam* dihasilkan daripada tepung yang berwarna putih sahaja. Kini, penggunaan tepung putih telah ditukar kepada beras atau hampas kelapa berwarna-warni. *Kolam* yang dihasilkan juga mempunyai corak yang lebih kreatif dan menarik.

DAHULU



Kolam dihasilkan daripada tepung.

KINI



Kolam dihasilkan daripada beras atau hampas kelapa berwarna-warni.



- Mengapakah berlakunya perubahan dalam sambutan perayaan dahulu dan kini?
- Apakah tujuan menghargai warisan perayaan dalam keluarga kita?
- Cadangkan langkah-langkah mengekalkan tradisi perayaan dalam keluarga.



132

Setiap kali tibanya sesuatu perayaan, semua kaum di Malaysia akan menghantar ucapan kepada kaum keluarga dan sahabat handai yang jauh. Ucapan dihantar sebagai tanda ingatan dan mewakili diri sekiranya tidak bertemu semasa hari tertentu seperti perayaan. Dahulu, ucapan dihantar dengan menggunakan kad ucapan melalui pos. Kini, ucapan dihantar melalui media sosial dan elektronik seperti e-kad.

DAHULU



Ucapan ditulis pada kad ucapan dan dihantar melalui pos.

KINI



Ucapan dihantar dengan menggunakan media sosial atau elektronik.



"Kemajuan teknologi telah mengakis nilai-nilai tradisi dalam perayaan di negara kita". Bahaskan tajuk ini.



Sebagai generasi muda, kita wajar mengekalkan sambutan perayaan penuh tradisi ini bersama-sama dengan keluarga. Hal ini penting bagi membentuk institusi keluarga yang kukuh. Tradisi kekeluargaan ini dapat mengeratkan silaturahim dan saling menghormati antara ahli keluarga.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengkaji perubahan amalan sambutan perayaan dahulu dan kini.
- Kepada murid, jelaskan perlunya kita mempertahankan amalan tradisi perayaan dalam keluarga kita demi keharmonian negara.

